

Headline	Pekerja asing punca meningkatnya kes penyakit berjangkit		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	3	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	294 cm <sup>2</sup>
Journalist	Zulkifli Manzor	AdValue	RM 2,556
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,668



## Pekerja asing punca meningkatnya kes penyakit berjangkit

ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Kesihatan mengenal pasti kebanjiran pekerja asing merupakan punca kepada peningkatan kes penyakit berjangkit terutama tibi, malaria, hepatitis B, sifilis dan kusta di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk S. Subrama-

niam (**gambar kecil**) berkata, perkara itu terbukti apabila seramai 78,000 atau tiga peratus daripada lebih 1.3 juta pekerja asing yang diperiksa tahun lalu didapati mempunyai penyakit-penyakit terbabit.

“Sebagai contoh, kebanjiran pekerja asing menyebabkan penyakit tibi meningkat daripada 63 kes daripada setiap 100,000 populasi pada tahun 2008 kepada 71 kes daripada setiap 100,000 populasi pada 2012.

“Pada 2011, sebanyak 20,000 kes telah dilaporkan berlaku dan telah menyebabkan sebanyak 1,600 kematian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena majlis perasmian Seminar Pemeriksaan

Kesihatan Pekerja Asing anjuran Unitab Medic Sdn. Bhd. (Unitab Medic) di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Unitab Medic, Tengku Abdullah Abu Bakar dan Pengerusi Fomema Sdn. Bhd. (Fomema), Tan Sri Suleiman Mahmud.

Menurut Subramaniam, Malaysia pernah berbangga kerana boleh dianggap sifar jangkitan penyakit kusta satu waktu dahulu tetapi sekarang penyakit itu telah kembali.

“Malaysia sedang berhadapan isu ‘pengimportan’ penyakit berjangkit,” katanya.

Subramaniam turut menganggarkan kira-kira lapan peratus pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini menghidap penyakit berjangkit dan menyebarkan penyakit itu kepada masyarakat di negara ini.

Ekoran itu, beliau menegaskan setiap pekerja asing yang ingin bekerja di negara ini perlu menjalani dua saringan masing-masing satu di negara asal dan satu di Malaysia.

“Walaupun ada yang sudah melepasi saringan di negara asal tetapi ada juga yang gagal lepas saringan di sini dan kita terus hantar mereka pulang.

“Kita harapkan saringan pemeriksaan di negara asal mereka dapat ditingkatkan,” katanya sambil menambah pekerja asing yang ga-

gal melepasi saringan itu adalah dari Indonesia, Nepal, Bangladesh dan Myanmar.

### INFO Kes penyakit berjangkit pekerja asing

#### Bilangan pekerja asing di Malaysia

Tahun 2008:	1.3 juta orang
Tahun 2009:	1.02 juta orang
Tahun 2010:	951,943 orang
Tahun 2011:	935,043 orang
Tahun 2012:	1.3 juta orang

#### Kes penyakit berjangkit dikesan dalam kalangan pekerja asing tahun 2012

Tibi:	18,315 kes
Hepatitis B:	14,044 kes
Sifilis:	3,520 kes
HIV:	821 kes
Malaria:	31 kes
Kusta:	8 kes



KEBANJIRAN pekerja asing menjadi punca meningkatnya kes penyakit berjangkit di negara ini. – Gambar hiasan